

Haiwan Kegemaranku (Tadika 2 Buku Besar 11 'Zo Sotong')

Gambaran Keseluruhan:

Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melukis idea yang telah dipelajari oleh mereka.

Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

1. menyertai kegiatan Bahasa Melayu secara aktif
2. membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad atau aksara untuk melambangkan idea

***Aktiviti Induksi**

Guru:


- memainkan audio satu per satu bunyi gajah, monyet dan singa
- meminta kanak-kanak meneka satu per satu nama haiwan yang sesuai bagi bunyi audio yang dimainkan oleh guru
- meminta kanak-kanak meniru bunyi dan membuat aksi seperti haiwan tersebut
- menunjukkan gambar-gambar haiwan dan menerangkan bahawa haiwan-haiwan ini terdapat di taman haiwan.

**Nota untuk guru: Singa mengaum, gajah bertempik dan monyet mengerih*



#1 Melukis perkara yang telah dipelajari

- Guru memberi sekeping kertas A4 kepada setiap kanak-kanak.
- Guru meminta kanak-kanak melukis gambar haiwan kegemaran mereka yang terdapat di taman haiwan.



Kanak-kanak melukis gambar haiwan kegemaran mereka.

#2 Bercerita berdasarkan gambar yang dilukis

- Guru mengajak kanak-kanak bercerita tentang gambar yang dilukis dengan menggunakan ayat-ayat mudah.



Kanak-kanak bercerita tentang gambar yang telah dilukis.

#3 Mencatatkan perkataan atau frasa berdasarkan perkongsian kanak-kanak

- Guru menuliskan satu perkataan atau frasa berdasarkan perkongsian kanak-kanak di kertas lukisan.
- Guru meminta kanak-kanak menyalin perkataan atau frasa tersebut.

**Tadika 1- Kanak-kanak tidak perlu menyalin perkataan atau frasa yang ditulis oleh guru.*

**Tadika 2- Kanak-kanak mula menyalin perkataan atau frasa yang ditulis oleh guru.*

